

## Falsafah Fatalisme dan Takdir Qur'ānī Menurut Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (W. 505 H)

*Philosophy Of Fatalism And Qur'anic Destiny According to Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (W. 505 H)*

AHMAD YUNUS MOHD NOOR & BISMILLAH ZA'BAH

### ABSTRAK

Perbincangan yang berkaitan dengan takdir bukan suatu isu yang baharu. Sejak zaman rasulullah s.a.w, perkara berkaitan dengan takdir telah menjadi topik perbincangan. Namun, falsafah takdir dalam dunia hari ini telah dicampuri dengan nilai-nilai dan idea-idea yang berbentuk sekular dan liberal yang merupakan cabaran pemikiran yang lahir daripada peradaban barat. Kefahaman berkenaan dengan konsep takdir telah dipengaruhi oleh pelbagai ideologi, budaya dan pemikiran terutamanya dari sudut pandangan falsafah barat. Salah satunya adalah falsafah fatalisme yang membicarakan soal takdir dan nasib diri individu. Kefahaman takdir bagi umat Islam amat penting memandangkan takdir adalah unsur yang berkait dengan pegangan aqidah dan termasuk dalam rukun iman. Takdir manusia yang bersifat ghair sangat berkait dengan perkara seperti ikhtiar, doa, tawakal dan kekuasaan Tuhan. Cara berfikir dan bertingkah laku manusia akan dipengaruhi dengan kefahaman dan pegangan takdir. Oleh hal yang demikian, objektif artikel ini adalah bagi menganalisis perbezaan falsafah fatalisme dan takdir menurut pandangan tokoh Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (w. 505 H). Artikel ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan menganalisis kandungan al-Qur'ān secara tematik berdasarkan tema, serta dokumen-dokumen dan penulisan kajian barat yang berkaitan. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati bahawa al-Qur'ān mengandungi perbincangan tentang ideologi fatalisme dan terdapat perbezaan jelas antara kefahaman Islam tentang takdir dan ideologi fatalisme. Implikasi artikel ini adalah memberikan kefahaman yang mendalam ke atas kedua-dua falsafah agar kesalahfahaman dapat dielakkan.

Kata kunci: falsafah; fatalism; takdir; Qur'ān; al-Ghazālī

### ABSTRACT

Conversations regarding fate are not a recent development, they have been deliberated upon since the era of Prophet Muḥammad PBUH. However, the philosophy of fate in today's world has been mixed with the secular and liberal-shaped values and ideas that are the challenge of thought born of Western civilization. The understanding of the concept of destiny has been influenced by various ideologies of thought and culture, especially from Western philosophy. One of them is the philosophy of fatalism which talks about the fate and destiny of the individual. The understanding of destiny for Muslims is crucial since it is a component related to the Islamic Creed (Aqidah) and part of the pillars of faith. Therefore, this article's objective is to identify the distinctions between the fatalism and destiny ideologies by Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (w. 505 H). This article uses a qualitative design by analyzing the content of al-Qur'ān thematically based on themes, as well as documents and writings of Western studies. However, the results of the study showed that the Qur'ān documents the debate surrounding the ideology of fatalism and that there are distinctions between fatalism's ideology and Islam's view of destiny. This article's implication is to present a thorough comprehension of both philosophies to prevent misconceptions.

Keywords: philosophy; fatalism; destiny; Qur'ān; al-Ghazālī

### PENDAHULUAN

Falsafah adalah lazim sebagai suatu bentuk teori pendidikan tertinggi yang menjadi dasar bagi setiap ilmu yang telah pun digeneralisasikan pada zaman sekarang. Menurut Nur Aisyah (2013), falsafah juga dapat difahami sebagai suatu bentuk polar pemikiran.

Ilmu falsafah telah wujud dan berkembang pesat di Benua Eropah, khususnya dalam kalangan bangsa Greek iaitu beberapa abad sebelum lahirnya agama besar dunia iaitu agama Kristian dan Islam (Mohd Nasir Omar 2013). Negara Barat sememangnya terkenal dengan berbagai falsafah dan fahaman ideologi yang pada dasarnya adalah bertentangan

dengan pemikiran Islam. Menurut Khalif Muammar A. Harris (2018), bermula daripada awal abad ke-20 lagi, cabaran-cabaran yang hebat telah terpaksa di hadapi oleh umat Islam yang datang daripada pemikiran peradaban Barat. Falsafah Islam khususnya adalah berbeza dari falsafah-falsafah yang lain, seperti falsafah Barat, Eropah, Timur, Cina, India, Indonesia, Kristian, Hindu dan Budha (Makmor Tumin & Mazlan Che Soh 2020). Ahli falsafah dan para ulama dari kurun yang berbeza telah mengkaji dan membahas berkaitan dengan kedudukan dan perbuatan manusia, sama ada ia berada dalam keadaan yang bebas mahupun dibelenggu oleh sesuatu yang lain (Muhammad Hazim & Syed Mohammad Hilmi 2017).

Perkataan *Fatalism* daripada Bahasa Inggeris, pada dasarnya merujuk kepada perkataan *fate* iaitu nasib atau takdir. Manakala pengertian fatalisme yang diberikan menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) ialah sebagai suatu bentuk kepercayaan perjalanan hidup manusia telah ditentukan oleh nasib dan di luar batasan kawalan manusia. Ia merujuk bahawa manusia tidak dapat berbuat apa-apa kerana manusia sudah terikat dalam belenggu nasib. Seorang tokoh falsafah Jerman pada abad ke-19 iaitu Arthur Schopenhauer menjelaskan bahawa kehidupan dipenuhi dengan penderitaan, keinginan dan cita-cita yang sering membawa kepada rasa ketidakpuasan yang akhirnya menyebabkan manusia bersikap menyalahkan takdir. Sikap menyalahkan takdir ini akhirnya membawa kepada suatu pegangan yang membebaskan manusia dengan tanggungjawab ke atas diri sendiri dengan menyandarkan setiap yang berlaku adalah takdir Tuhan. Penguasaan nasib ke atas diri manusia telah menyebabkan manusia yang lemah tidak dapat berbuat apa-apa (Wahiddin, Haidar Putra Daulay & Zaini Dahlan 2021). Apabila di sentuh mengenai fatalisme atau golongan fatalis, golongan ini dilihat sebagai golongan yang tidak mahu berusaha dan mudah mengalah. Menurut Ahmad Sunawari Long (2004) golongan ini dianggap sebagai satu kelompok golongan yang tidak kreatif dan bersikap rigid. Golongan ini secara amnya mengutamakan takdir berbanding usaha. Takdir menjadi keutamaan kepercayaan golongan fatalis yang mana takdir hidup individu tidak boleh diubah pada pandangan golongan ini atau dalam erti kata yang lain disebut juga sebagai nasib. Fatalis turut berpendapat bahawa semua peristiwa telah ditetapkan untuk terjadi, maka tetap akan terjadi. Apapun usaha yang cuba dilakukan oleh manusia tidak akan dapat mengubah

lagi takdir tersebut (Thio Christian Sulistio & Esther Gunawan 2021).

Pada asalnya, idea berkaitan fatalisme ini menjadi perbahasan dalam kalangan ahli falsafah dari zaman Yunani. Cenderungnya fatalisme ini terjadi apabila berlakunya bencana alam dan keadaan nasib individu yang buruk seperti miskin dan sakit. Kaum Stoik pada zaman Yunani telah berpegang dengan prinsip fatalisme kerana menurut mereka kejadian bencana alam dan keadaan diri yang buruk adalah suatu takdir yang tidak berada dalam penguasaan mereka (Peter Cossé 1983). Kemudian fahaman ini berkembang dan di pegang oleh ahli politik sebagai alasan bagi membebaskan mereka dari kesalahan yang dilakukan. Berdasarkan penerangan Thomas Aquinas (1988) ketentuan mutlak Tuhan meliputi semua yang berlaku di alam semesta termasuk perbuatan manusia. Oleh itu, kehendak bebas manusia terbelenggu dalam melaksanakan kehendak Tuhan.

Menurut kepercayaan kepada takdir menurut Islam pula adalah berbeza halnya. Takdir adalah perkataan yang berasal dari bahasa Arab iaitu قَدْرٌ يَقْدِرُ dan يَقْدِيرُ. Dari sudut bahasa qadar bererti mengira atau jumlah. Qadar juga ditafsirkan oleh Ibn Manzūr (1990) sebagai kadar atau ukuran kepada sesuatu iaitu Tuhanlah yang menentukan sesuatu yang akan terjadi sesuai dengan ukuran atau kadarnya. Menurut penelitian M. Quraish Shihab (1992), qadar mempunyai bermacam makna, antaranya ialah ketetapan, mulia dan juga sempit. Secara istilahnya pula menurut kamus *Lisān Al-'Arab* (1994), perkataan al-taqdir dan al-qadr berkongsi pengertian yang sinonim iaitu suatu bentuk ketentuan dari Allah s.w.t. Definisi takdir menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016) merujuk kepada hal-hal yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t sebelumnya. Sementara itu, M. Quraish Shihab (1999) menyimpulkan bahawa makna kata qadar merujuk kepada kekuasaan Allah s.w.t yang tertakluk kepada 20 sifatnya. Aqidah Islamiyyah menurut Nair Aql 'Abd al-Karim (1999) dalam *Buhuth fi 'Aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* adalah berpegang kepada sifat wajib Allah s.w.t dengan melaksanakan kewajiban mentauhidkan Allah s.w.t dan taat kepadaNya. Juga beriman kepada para malaikat, rasul, kitab-kitabNya, hari akhirat serta pada takdir yang baik dan buruk dengan mengimani segala apa yang sahih tenang prinsip agama, perkara-perkara yang ghaib, ijma' salafussoleh, berita qat'i (pasti) baik secara 'ilmiyah atau secara 'amaliyyah yang ditetapkan menurut al-Qur'an dan al-Sunnah yang

sahih serta ijma' para ulama. Berdasarkan kitab *Fath al-Bari*, takdir sebagai suatu perkara yang ditetapkan menunjukkan kekuasaan dan perkara yang terjadi menunjukkan telah diketahui. Maha Mengetahui Allah s.w.t akan keadaan setiap manusia sebelum manusia diciptakan lagi. Hal ini berdasarkan sebuah hadith Nabī s.a.w, daripada Ali bin Abi Thalib r.a, bahawa Nabī s.a.w bersabda:


مَا مِنْ نَفْسٍ مَّنْفُوسَةٌ إِلَّا كُتِبَ مَكَانُهَا مِنَ الْجَنَّةِ وَالثَّارِ، وَإِلَّا قُدْرَتُهُ شَقِيقَةٌ أَوْ سَعِيدَةٌ

Maksudnya: "Tidak ada jiwa yang bernyawa melainkan telah ditulis (atau ditentukan) akan tempatnya di syurga atau neraka dan telah ditulis (atau ditentukan) juga bahawa dia akan menderita atau bahagia." (Al-Bukhari 1362)

Masalah takdir bukan sahaja berkait dengan kepercayaan, malah takdir berdiri atas dasar keyakinan atau iktikad terpenting yang telah banyak mendapat tumpuan dari para ulama, baik dari ulama mutaqaddimīn mahupun ulama muta'akkhirin (Iril Admizal 2021). Umat Islam wajib beriman dengan takdir atau juga di sebut sebagai *qaḍā'* dan *qadar*. Hal dalam meyakini *qaḍā'* dan *qadar* telah tertulis sebagai salah satu unsur yang tercatat dalam rukun iman dan umat Islam sedia maklum bahawa rukun iman adalah unsur tunjang yang wajib bagi setiap individu Muslim yang mukallaf untuk mengimannya (Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman et al. 2020). Takdir berkait rapat dengan penentuan sesuatu perkara serta penyempurnaannya sama ada ke atas perkara yang terlihat baik hatta buruk secara zahirnya di mata manusia yang terbatas (al-Khatib 'Abd al-Karim 1979). Adapun kepercayaan takdir yang bertentangan dengan ahli Sunnah wal jama'ah telah muncul setelah kewafatan Nabī Muhammad s.a.w. Antara golongan yang terkeluar

dari fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah berkaitan isu takdir adalah Jabariyyah, Muktazilah dan Qadariyah. Fahaman Jabariyyah berkaitan dengan takdir membawa kepada penafian hukum hakam perintah dan larangan serta penafian kepada dosa dan pahala kerana tiada gunanya ketetapan pahala, dosa, perintah dan larangan sekiranya semua telah ditetapkan untuk berlaku. Bagi fahaman Qadariah, al-Bazdawi (1963) menyebutkan bahawa fahaman Qadariah menjerumus kepada iktikad mensyirikkan Allah s.w.t iaitu dengan menyanjung hasil usaha dan amal perbuatan diri sehingga merasakan tiada kene mengena dengan kehendak dan kekuasaan Allah s.w.t dalam menentukan sesuatu. Manakala bagi Muktazilah, keburukan sahaja yang berasal dari manusia dan meyakini bahawa manusia memiliki kebebasan memilih secara menyeluruh bagi menjaga agar tidak menyandarkan keburukan dan kezaliman terhadap Allah s.w.t, sedangkan tanpa disedari kelemahan telah disandarkan kepada Allah s.w.t

Justeru, kefahaman mengenai takdir menurut Islam berdasarkan keterangan Ahli Sunnah wal Jamaah adalah berbeza dengan kefahaman yang dipegang oleh golongan fatalis. Hal ini dapat dilihat apabila takdir merujuk kepada suatu bentuk nasib dengan lebih menyeluruh dan syumul yang wujud di antara kuasa mutlak Tuhan dan dicampuri dengan usaha serta kesungguhan daripada individu untuk merubahnya. Sedangkan fatalisme merujuk kepada bentuk takdir yang hanya tertumpu pada kuasa ghaib dalam menentukannya dan bukan pada usaha manusia. Oleh hal yang demikian, rajah di bawah adalah rangka konsep dan teori mengenai kedua-dua aliran fahaman mengenai pegangan kepercayaan berkenaan dengan takdir.



RAJAH 1. Rangka teori konsep takdir dan fatalisme

Adapun penjelasan ringkas dapat dipadatkan melalui rajah 1 adalah berkaitan dengan luasnya kefahaman takdir menurut Islam yang meliputi usaha manusia dan kebesaran serta kudrat Maha Mengaturnya Allah s.w.t sebagai Tuhan yang wujud dalam setiap aspek kehidupan makhluk-Nya. Walhal pegangan golongan fatalis adalah sedikit daripada keluasan takdir menurut Islam iaitu bergantung harap pada nasib atau takdir yang telah ditentukan untuk diri mereka sahaja dan tidak dapat diubah dengan sebarang usaha.

#### FALSAFAH FATALISME

Fatalisme merujuk kepada sebuah sikap yang dihasilkan oleh individu dalam menghadapi permasalahan dalam kehidupan (Surawan & M Mazrur 2020). Fatalisme adalah suatu bentuk pemikiran yang beranggapan bahawa kehidupan manusia adalah sepenuhnya hak milik Tuhan. Pada pendapat Richard Taylor (1963), kepercayaan kepada apa yang bakal terjadi tidak dapat dielak. Justeru, manusia terikat dalam ikatan nasib dan tidak dapat berbuat bebas melainkan hanya berserah kepada Tuhan sepenuhnya. Oleh hal yang demikian, urusan takdir adalah hak milik mutlak Tuhan tanpa dapat diubah atau campur tangan manusia walau sedikitpun. Manusia berserah diri bulat-bulat secara terpaksa ke atas apa yang akan terjadi mahupun yang telah terjadi pada dirinya, tanpa ada sebarang bentuk daya bagi merubah mengubah situasi buruk menjadi yang lebih baik. (Iril Admizal 2021). Golongan fatalis berpendapat bahawa Tuhan menentukan segala-galanya termasuk tindakan manusia. Dalam menghadapi pelbagai keadaan, manusia tidak mempunyai ruang untuk mencipta atau berusaha. Pandangan ini mengatakan bahawa manusia hanya menjalankan takdir mengikut ketetapan oleh Allah s.w.t, jadi mereka enggan bertanggungjawab atas semua akibat yang mereka lakukan di akhirat (Nur Hidayah 2020). Kecenderungan fahaman ini diperkuat apabila upaya menyelesaikan konflik tidak ditemui dan seterusnya menjadikan trauma psikologi yang dihadapi sebagai alasan untuk menyalahkan Tuhan dan menyandarkan perbuatan kepada Tuhan (Janoff-Bulman 1989).

Sinonimnya fatalisme adalah suatu bentuk pemikiran yang pasrah tanpa perlu ikhtiar dan berusaha. Secara tidak langsung, keadaan ini sebenarnya telah membawa golongan fatalis ke arah suatu kelompok manusia yang tidak membangun kerana tidak mahu berusaha dan berinovatif dalam menghasilkan sesuatu mahupun dalam

menyelesaikan masalah yang wujud dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sebaliknya, golongan fatalis lebih menunggu apa yang telah ditetapkan oleh Tuhan untuk mereka. Golongan fatalis menjamin bahawa apa yang telah ditetapkan akan terjadi, maka pasti akan terjadi. Golongan ini berkeyakinan bahawa segala sesuatu akan terjadi secara alami menurut caranya sendiri tanpa mempedulikan usaha manusia sama ada untuk menghindari, mencegah mahupun menghentikannya. Setiap peristiwa akan terjadi dalam kehidupan pada waktu-waktu yang telah tertentu dan di tempat yang khusus sebagaimana ia telah ditetapkan sejak azali. Justeru itulah mereka tidak ada sedikit pun keinginan untuk mengubah atau berusaha menukar takdir hidup mereka disebabkan mereka percaya akan takdir yang sepenuhnya telah ditetapkan oleh Tuhan dan perbuatan berusaha hanyalah menemukan keputusan yang sia-sia.

Namun begitu, pandangan ini ditafsir secara positif dalam teologi Calvinisme dan Taoisme (Jyoti Singh Narang 2023). Teologi Calvinisme yang berpegang dengan konsep fatalisme dan beberapa unsur kepercayaan lain menyatakan bahawa Tuhan adalah berdaulat dan memainkan peranan ke atas diri manusia (John Calvin 1960). Kedaulatan dan hukum mutlak Tuhan menyebabkan mereka yakin bahawa perbuatan mereka dipertanggungjawabkan kepada Tuhan. Manusia dapat diselamatkan oleh Tuhan dengan pegangan ini. Manakala pada pendapat Laozi iaitu pengasas kepada teologi Taoisme menyatakan bahawa fatalisme adalah suatu unsur yang mendasari alam semesta. Keadaan ini menggalakkkan manusia agar bersederhana, menerima dan tidak mencampuri hukum semula jadi. Ia sekaligus melepaskan ilusi kawalan diri dan menerima dengan hati yang terbuka setiap peristiwa yang berlaku dan membawa manusia kepada kedamaian. Kenyataan ini disokong oleh M. Olson (1965), yang menyatakan bahawa tidak bermakna kehidupan manusia akan menjadi buruk hanya kerana manusia tidak menguasai nasib mereka sendiri.

Watt (1952) berpendapat bahawa manusia mengambil kesempatan di atas kekuasaan Tuhan untuk menyelamatkan diri dan terlepas daripada tanggungjawab serta kewajipan. Hakikatnya, pegangan ideologi ini akan mempengaruhi cara berfikir, tindakan dan sikap individu dalam menerima sesuatu musibah, fenomena dan kejadian yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari yang jelas boleh merosakkan aqidah seorang Muslim. Jelas sekali bahawa manusia yang lemah tidak mempunyai upaya, daya, kekuatan, kekuasaan,

kemahuan dan pilihan untuk berbuat sesuatu. Malah, tindak tanduk manusia penuh dengan keterpaksaan sebagai hamba dan Tuhan sebagai entiti yang bertanggungjawab sebagai pencipta tindakan tersebut sepenuhnya. David Hume (1999), menegaskan bahawa Tuhan yang sepatutnya bertanggungjawab ke atas keburukan dan kejahatan yang berlaku di dunia kerana Tuhan adalah pelaku sebenar atas kejahatan dan tidak seharusnya manusia dipertanggungjawabkan atas apa yang telah dikehendaki oleh Tuhan. Jika perbuatan tidak dilahirkan oleh individu melainkan dengan penuh keterpaksaan, maka ia adalah tidak adil bagi Tuhan untuk menghukum perbuatan manusia yang bukan menjadi pilihan mereka. Kehidupan manusia yang tidak ubah seperti sehelai bulu burung yang ditiup angin (Ahmad Amin 1965). Sama ada bulu tersebut bergerak atau tidak, adalah ditentukan oleh tiupan angin. Hal ini sekaligus membawa kepada suatu pengertian lain, iaitu manusia adalah lemah dan tiada fungsinya. Keadaan ini menolak secara langsung akan sifat Tuhan yang adil, bijaksana dan mengatur. Sebaliknya ia menunjukkan bahawa Tuhan itu bersifat zalim dan jahil.

Malah, secara dasarnya fatalisme menunjukkan bahawa sama ada manusia itu berusaha maupun tidak adalah tiada perbezaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, tiada konsep berusaha dalam pandangan pemikiran fatalisme. Fatalisme adalah termasuk dalam golongan pemikiran jabariah yang memegang kepada teologi kehendak Tuhan yang berkuasa. Keadaan ini sekaligus meletakkan kedudukan akal manusia yang rendah, ketidak bebasan manusia dalam perbuatan dan kemahuan serta kebebasan berfikir yang terikat dan terbatas. Tambahan lagi golongan fatalis terdedah dengan sikap menyalahkan segala yang berlaku kepada Tuhan. Mereka terbebas daripada tanggungjawab ke atas diri sendiri disebabkan kerana segalanya telah diaturkan oleh Tuhan dengan menjadikan takdir sebagai alasan, penetapan bahagia, sengsara serta hidayah dan kesesatan (Muhammad Khairul Ikhwan 2021). Pandangan atau jati diri yang wujud dalam diri mereka ini ada dirakam oleh al-Qur'an berdasarkan kisah yang terjadi semasa zaman baginda Rasulullah s.a.w dalam kalangan musyrikin Mekah.

سَيُؤْلُمُ الَّذِينَ أَشْكَوْا لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَشْرَكُنَا وَلَا يَا بَوْنَا وَلَا حَرَّقْنَا مِنْ شَنِيْعَكَبْلَكَ  
كَدْبَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ حَتَّىٰ دَأْفُوا بِأَسْنَانِ قُلْ هَلْ عِنْدُكُمْ مِنْ عِلْمٍ فَتُخْرِجُوهُ لَنَّا إِنْ  
تَسْتَعْوِنُ إِلَّا لِظَّنٍ وَإِنْ أَنْتُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ

Maksudnya: Orang-orang yang memperseketukan Tuhan, akan mengatakan "Jika Allah s.w.t mengehendaki, nescaya kami dan bapa-bapa kami tidak memperseketukan-Nya, dan tidak pula kami mengharamkan sesuatu pun". Demikian pula orang-orang sebelum mereka yang telah mendustakan (para nabī) sampai mereka merasakan seksaan Kami. Katakanlah "Adakah kamu mempunyai sesuatu pengetahuan sehingga dapat kamu mengemukakannya kepada Kami?" Sesungguhnya kamu tidak mengikuti kecuali persangkaan belaka, dan kamu tidak lain hanyalah berdusta. (Al-An'am: 148)

Menerusi tafsir daripada Dr. Wahbah Zuhaili, dalam kitab *al-Tafsir al-Wasīt li Zuhaili*, beliau menyatakan bahawa mereka menyangka bahawa penipuan mereka tersebut akan dapat melepas dan menyelamatkan nasib diri mereka. Namun sebaliknya yang berlaku, pembohongan dan penipuan yang dilakukan sungguh tidak berasas sama sekali, dari segi ilmu maupun akal fikiran. Hal ini kerana penipuan yang dilakukan mereka kepada nabī s.a.w dan sebagai akibat dari penipuan tersebut, Allah s.w.t akan membala mereka dengan azab yang sangat pedih. Hal ini terjadi kerana sifat Allah s.w.t yang Maha Adil dalam memberikan balasan yang setimpal dan sebagai akibat dari usaha mereka dalam mendukung kekufuran".

Jika ditelitian, sekiranya tiada konsep berusaha dalam kehidupan, maka tidak akan ada juga konsep bertanggungjawab ke atas individu. Hal ini kerana, unsur usaha dan tanggungjawab adalah suatu unsur yang bergerak seiring. Pada hakikatnya, manusia perlu berusaha disebabkan tanggungjawab yang digalas oleh mereka dan setiap manusia mempunyai tanggungjawab masing-masing. Misalnya, seorang bapa yang perlu berusaha mencari rezeki disebabkan oleh tanggungjawab yang dipikul iaitu memberi nafkah kepada anak-anak dan isterinya. Namun sebaliknya, golongan fatalis tidak mengambil tanggungjawab dalam sesuatu hal yang terjadi. Apatah lagi keadaan yang berlaku itu berbentuk bencana alam seperti banjir, tanah runtuhan, tsunami dan lain-lain. Mereka melihat bahawa bencana adalah sesuatu yang terjadi disebabkan oleh kehendak dan hukuman Tuhan sepenuhnya dan manusia hanya mampu bersikap pasrah dalam segala hal (Ahmad Sunawari Long 2004). Dalam pada itu, menurut mereka apa yang boleh dilakukan oleh manusia tidak lain hanyalah mampu bersabar dan berdoa meminta pertolongan daripada Tuhan.

Menurut Ahmad Sunawari Long (2004), konsep yang di ketengahkan dalam pegangan fatalisme telah mematikan langkah manusia bagi bergerak ke hadapan. Menurut beliau lagi, apabila setiap sesuatu telah ditetapkan oleh Tuhan secara mutlak, maka

manusia tidak lagi boleh mengubah nasib walau sedikitpun. Keadaan sebegini secara tidak langsung telah melumpuh dan menumpulkan fungsi otak manusia yang seharusnya berfikir secara kritis dan kreatif dalam mengendalikan sesuatu perkara dan permasalahan. Malah, keadaan ini menunjukkan bahawa penciptaan otak dan fungsi akal adalah sia-sia kerana tiada fungsi yang wajar dan sesuai. Manakala menurut M Khoirul Hadi al Asy'ari et al (2019), sikap atau pegangan fatalisme ini seolah-olah menunjukkan bahawa manusia hidup tetapi sebenarnya mati. Manusia yang berpegang dengan fahaman ini dilihat sentiasa menanti-nanti keuntungan dan nasib yang baik menimpa mereka.

#### FALSAFAH TAKDIR

Takdir dapat dijelaskan sebagai suatu bentuk ketetapan yang telah tercatat di Luh Mahfuz. Allah s.w.t telah menuliskan di dalamnya ketetapan takdir bagi segala sesuatu sehingga terjadinya hari kiamat. Hal ini adalah merangkumi kehidupan harian individu, termasuklah urusan kelahiran, sakit, jodoh dan kematian. Semua perkara tidak dapat terjadi melainkan atas kehendak juga pengetahuan Allah s.w.t. Apabila para mufassir menghuraikan tentang takdir, mereka menyatakan bahawa semua yang ada dan wujud di muka bumi dan alam semesta adalah kepunyaan Allah s.w.t secara mutlak dan tertakluk atas kekuasaan-Nya. Menerusi sūrah al-Rahmān Allah s.w.t berfirman:

بِسْمِ اللَّهِ، مَنِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّهُ يَوْمَ هُوَ فِي شَأنٍ

Maksudnya: Sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi sentiasa berhajat dan memohon kepada-Nya. Tiap-tiap masa ia di dalam urusan (mencipta dan mentadbirkan makhluk-makhluk-Nya). (Al-Rahmān: 29)

Sebagaimana dijelaskan oleh Quraish Shihab (1997), takdir atau qadar bermaksud, Allah s.w.t telah mentakdirkan, iaitu membuat keputusan tentang keadaan tertentu. Oleh itu, ia bermakna bahawa telah ditetapkan oleh Allah s.w.t ukuran, kadar, atau batasan yang tertentu pada diri, sifat dan kemampuan makhluk-Nya. Secara langsung, istilah takdir merujuk kepada sifat Allah s.w.t sebagai Tuhan yang Maha Esa dan Maha Mengetahui tentang segala-galanya, kerana pengetahuan-Nya yang Maha Mengetahui meliputi segala-galanya. Ibn Taimiyah telah menyebutkan bahawa takdir telah dituliskan oleh Allah s.w.t untuk semua makhluk yang diciptakannya termasuk manusia, haiwan,

tumbuhan, alam dan planet sebelum penciptaan langit dan bumi sejak lima puluh ribu tahun lalu.

Walau bagaimanapun, menurut laman sesawang rasmi mufti Wilayah Persekutuan serta penulisan dari Akhmad Ibrahim (2010), takdir dapat dibahagikan kepada dua bentuk yang berbeza, iaitu takdir *mubram* dan takdir *mu'allaq*. Ketentuan takdir yang sifatnya adalah tetap dan tidak dapat diubah-ubah oleh sesiapapun disebut sebagai takdir *mubram*. Maka tidak akan ada sebarang perubahan, penambahan maupun pengurangan terhadap takdir ini. Misalnya Allah s.w.t telah menetapkan urusan kematian dan pergerakan bulan yang mengeliling matahari. Perkara ini telah dirakamkan oleh Allah s.w.t melalui firman-Nya dalam satu ayat al-Qur'an iaitu

وَلَئِنْ يُؤْخِرْ اللَّهُ تَقْسِيْتًا إِذَا جَاءَ أَجْلُهُ وَاللَّهُ خَيْرُ الْعَمَلُونَ

Maksudnya: Dan Allah s.w.t sesekali tidak akan tangguhkan (kematian) seseorang apabila telah sampai waktu kematianya. Dan Allah s.w.t Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan. (Al-Munafiqūn: 11)

Manakala takdir yang berbentuk *mu'allaq* merupakan suatu bentuk takdir yang bersifat tergantung dan boleh berubah-ubah. Takdir *mu'allaq* ini dapat di ubah dengan usaha manusia dan doa. Contohnya seperti rezeki dan jodoh. Menerusi sūrah Al-Ra'd Allah s.w.t berfirman iaitu berkaitan dengan takdir *mu'allaq*.

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah s.w.t tidak akan merubah keadaan sesebuah kaum melainkan mereka merubah keadaan diri mereka sendiri. (Al-Ra'd: 11)

Maka menerusi ayat ini, M. H Thabathaba'iy (1989) menegaskan suatu konsep sebab-akibat yang dihasilkan daripada perbuatan dan usaha manusia. Ayat ini menggambarkan perbuatan dan akibat yang diperoleh oleh si pelaku dan sebab yang sentiasa dikaitkan dengan akibat. Misalnya perbuatan membakar akan mengakibatkan api (terbakar) dan menyiram akan mengakibatkan air (basah). Justeru, orang yang membuat sesuatu perkara akan menerima habuan dari pekerjaannya atau orang yang berusaha akan menerima hasil daripada usahanya. Sama ada pekerjaan itu baik mahupun buruk adalah tergantung kepada individu yang melakukannya. Walau bagaimanapun, lahirnya sebuah perbuatan adalah dengan izin dan kehendak-Nya. Keterangan daripada M. H. Thabathaba'iy ini turut mendapat sokongan

daripada Ishak Din & Harun Din (1995) yang turut menyatakan bahawa Islam telah mengajarkan asas segala yang ditetapkan oleh takdir berlaku dengan melalui proses sebab dan akibat atau kesan. Sebagai misal, dapat diperhatikan daripada tabiat biji benih yang dapat tumbuh dan bertunas hanya apabila ia bertemu dengan tanah yang lembap. Maka, kelembapan tanah dapat dihubungkan dengan suatu sebab dan pertumbuhan tanaman adalah hasilnya, yang mengacu pada akibat atau kesan dari sebab tersebut. Namun, sebaliknya, jika biji benih ditanam di tanah yang kering dan tandus tanpa adanya air atau diletakkan di atas permukaan batu yang licin, pasti tidak akan menghasilkan pertumbuhan tanaman seperti yang diharapkan. Setiap tindakan yang dilakukan oleh manusia merupakan hasil dari pertemuan antara usaha manusia dan tindakan Allah s.w.t berdasarkan takdir yang telah ditetapkan-Nya (Muhammad Hazim & Syed Mohammad Hilmie 2017). Menurut al-Jurjani, oleh kerana makhluk adalah baharu, maka hubungan antara perbuatan Allah s.w.t dengan makhluk adalah baharu.

Falsafah dan konsep takdir dalam agama Islam adalah seiring dengan perkara seperti usaha, sabar, doa, ikhlas, tawakal dan berfikir yang diserukan di dalam al-Qur'ān. Ia juga telah meletakkan sifat wajib bagi Allah s.w.t dan asma' Allah s.w.t layak pada tempatnya seperti Allah s.w.t Maha Adil, Allah s.w.t Maha Mengetahui, Allah s.w.t Maha Mengatur dan Allah s.w.t Maha Bijaksana. Walaupun hakikat takdir Allah s.w.t telah ditentukan seperti yang disebutkan Ibn Taimiyah, namun oleh kerana manusia langsung tidak mengetahui ketentuan dan takdir tersebut, maka perintah doa, ikhtiar, berfikir dan usaha adalah untuk menilai keyakinan, kesungguhan dan ketataan seseorang manusia kepada Allah s.w.t. Dalam masa yang sama, Muslim perlu menyedari dan mengakui bahawa kekuasaan tertinggi dan mutlak tetaplah di tangan Allah s.w.t sebatas kemampuan yang dimiliki oleh manusia sebagai makhluk, maka segala apa yang terjadi hanya dapat diterima manusia.

Oleh hal yang demikian, takdir dari sudut pandang agama Islam merujuk kepada suatu hal yang wujud pada kekuasaan Allah s.w.t dan bersesuaian menurut fitrah atau tabiat alam. Takdir hidup manusia iaitu hamba-Nya telah Allah s.w.t tetapkan juga berada pada pengetahuan-Nya sejak azali. Namun begitu, takdir ini dapat diubah dengan usaha yang bersungguh-sungguh dalam mencari kebaikan di dunia dan di akhirat kelak. Menurut keterangan ulama ahli sunnah wal jama'ah, makhluk atau manusia mempunyai kemampuan untuk

berikhtiar dalam konteks memilih tindakan dan berusaha, namun begitu kehendak dan kemampuan tersebut bukan bersifat mutlak. Allah s.w.t sahaja yang mampu merubah nasib diri individu dengan izin-Nya dan setimpal dengan usaha manusia dengan penuh kesungguhan dalam mengerjakan sesuatu pekerjaan. Allah s.w.t menilai setiap ikhtiar yang diusahakan oleh manusia dan menzahirkan keinginan manusia sesuai dengan tahap usahanya. Manusia hanya perlu berbaik sangka terhadap Allah s.w.t dan bertawakal setelah usaha telah dicurahkan sehabis baik. Sebagaimana yang disebutkan oleh al-Ghazālī bahawa tawakal adalah penyerahan diri kepada Allah s.w.t Yang Maha Pelindung kerana setiap perkara tidak keluar dari ilmu dan kekuasaanNya, sedangkan makhluk serta nasib tidak dapat membahayakan dan tidak dapat memberi manfaat.

#### TAKDIR MENURUT ABŪ ḤĀMID MUHAMMAD B. MUHAMMAD AL-GHAZĀLĪ

Kata Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī, takdir adalah hukum-hukum Allah s.w.t yang berlaku dalam kehidupan makhluk. قدر (ketentuan) adalah sesuatu yang timbul dari شرط (ketentuan) yang datang dari al-Qādir (Yang Maha Kuasa). Qadha ialah keputusan yang sudah terlaksana secara pasti, manakala takdir hanya berada pada tahap permulaan (Abdul Karim al-Khatib 1979). Allah s.w.t yang bersifat *al-Qādir*, memiliki kekuasaan dalam menentukan kejadian-kejadian ke atas makhluknya. Allah s.w.t sebagai pencipta kepada perbuatan disebutkan sebagai *al-mukhtari'li al-qad'at*. Sedangkan, qadha dan qadar merujuk kepada perpaduan di antara dua kuasa. Perpaduan tersebut merujuk kepada suatu bentuk kemungkinan. Perbezaan antara kekuasaan Allah s.w.t dan kuasa manusia, serta perbezaan dalam hubungan keduanya, adalah kemungkinan yang dapat terjadi dan bukan suatu hal yang tidak mungkin dan mustahil. Sedangkan kuasa manusia adalah berbentuk ikhtiar dalam menentukan sikap dan tindakan yang akan dipertanggungjawabkan. Perbuatan manusia menurut al-Ghazālī adalah bersifat *ta'yid* iaitu berhubung dengan sesuatu yang khusus dan Allah s.w.t mempunyai peranan yang kuat dalam perwujudan perbuatan itu. Ikhtiar manusia tidak akan dapat terwujud tanpa *ta'yid*. Namun, manusia tidak akan memikul tanggungjawab ke atas sesuatu perkara yang tidak dapat dipilih dan terpaksa untuk melakukannya seperti dalam keadaan darurat dan kecemasan.

Keimanan yang benar terhadap takdir bukan hanya memberi kesan kepada keyakinan diri, malah ia akan menjadi pendorong kepada setiap gerakan manusia. Bahkan, di dalam Kitab *Iḥyā’ Uluṣuddīn*, Abū Ḥāmid Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī menjelaskan bahawa pada pendapatnya, terjadi suatu perbuatan manusia sebenarnya bukan berasal daripada manusia tetapi Allah s.w.t yang menciptakan kehendak dalam dirinya. Setiap orang lazimnya mempunyai kehendak dalam hati mereka dan akan dizahirkan dalam bentuk perbuatan-perbuatan tertentu. Sedangkan tindakan itu mesti dilakukan sekiranya Allah s.w.t menghendaki yang sedemikian. Oleh itu, jelasnya di sini menunjukkan bahawa Allah s.w.t yang Maha Pencipta juga pencipta kepada kehendak dan perbuatan tersebut. Al-Ghazālī menganggap bahawa makhluk berada dalam kedua-dua keadaan iaitu bebas dan terpaksa pada masa yang sama. Imam al-Ghazālī turut menjelaskan pendapatnya yang sedikit berbeza dengan perbahasan sebab dan akibat, sebagaimana api dapat mengakibatkan keadaan terbakar. Walaupun api membakar apabila bertemu dengan benda tertentu, namun hal itu tidak bersifat pasti dan tetap. Ia terbentuk berdasarkan kepada kebiasaan. Oleh itu, kebiasaan sebab-akibat berlaku dalam kekerapan yang tetap sehingga menjadi sebuah pengetahuan dan ilmu dalam pengamatan dan uji kaji manusia. Sedangkan dengan kuasa Allah s.w.t pertentangan dari hukum sebab-akibat boleh berlaku. Pada pandangan al-Ghazālī, apa yang disebutkan dalam hubungan sebab dan akibat hanyalah merujuk kepada turutan perbuatan dan tidak dapat dibuktikan bahawa hasil akibat mestilah datang daripada sebabnya, boleh jadi terdapat unsur dan perkara lain yang tersembunyi dan berlakunya atas kehendak Allah s.w.t. Kesempurnaan suatu sebab-akibat tidak semestinya datang dari sebab. Allah s.w.t berkuasa dengan bebas dan mutlak untuk melakukan apa-apa walau tidak berlandas kepada hukum sebab-akibat. Oleh itu Allah s.w.t tidak tertakluk mutlak ke atas hukum sebab-akibat. Firman Allah s.w.t sebagaimana dalam Sūrah al-An’ām

﴿ وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْعِيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ ۚ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ ۚ وَمَا سَقَطَ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي ظُلُمَاتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٌ وَلَا يَأْسٌ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴾

Maksudnya: Dan pada sisi Allah-lah kunci-kunci semua yang ghaib; tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri, dan Dia mengetahui apa yang di daratan dan di lautan, dan tiada sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya (pula), dan tidak jatuh sebutir biji-pun dalam kegelapan bumi,

dan tidak sesuatu yang basah atau yang kering, melainkan tertulis dalam kitab yang nyata (Luh Mahfuz)” (Al-An’ām: 59)

Imam Al-Ghazālī memiliki kritikan yang jelas terhadap konsep sebab dan akibat dalam konteks ketentuan takdir. Beliau jelas berpendapat bahawa terlalu banyak penekanan pada hubungan sebab dan akibat dapat mematahkan pengakuan terhadap kehendak Tuhan yang mutlak. al-Ghazālī dalam kitabnya *Tahāfut al-Falāsifah* menolak pandangan falsafah yang menganggap bahawa segala sesuatu di alam ini terikat pada hukum sebab dan akibat yang terlepas dari campur tangan Tuhan. Kehendak Tuhan bersifat mutlak dan tidak terbatas adalah hakikat kekuasaan. Bagi al-Ghazālī, tidak hanya tergantung pada hukum sebab dan akibat bagi setiap perkara yang berlaku di alam ini, tetapi lebih dominan pada ketetapan serta ketentuan langsung daripada Allah s.w.t. Kitab ini menyatakan bahawa keberlanjutan alam semesta dan perubahan-perubahan di dalamnya tidak dapat dijelaskan sepenuhnya oleh sebab dan akibat, dan ada kehadiran kehendak Tuhan di baliknya. Sungguhpun begitu, al-Ghazālī juga menekankan pentingnya iman, ketaatan dan doa sebagai faktor-faktor yang dapat memengaruhi takdir. Menurut beliau, perilaku manusia dapat memainkan peranan dalam penentuan takdir oleh Tuhan seiring dengan konsep usaha, doa, ikhlas dan tawakal.

#### FATALISME DAN TAKDIR MENURUT PERBAHASAN AL-QUR’ĀN

Fatalisme adalah suatu fahaman yang diketengahkan oleh masyarakat Barat sejak zaman Yunani. Walau bagaimanapun, pemikiran yang sama seperti fahaman fatalisme turut wujud dalam kalangan umat Islam sendiri. Fatalisme dalam pemikiran Islam dikenali sebagai fahaman Jabariyyah. Kedua-dua fahaman ini berorientasikan dasar kefahaman yang sama mengenai konsep takdir, namun berteraskan hujah yang berbeza. Kelompok yang berpegang kepada pemikiran Jabariyyah ini telah wujud sejak awal kewafatan baginda nabī s.a.w iaitu semasa musyawarah pelantikan khalifah yang bakal memimpin setelah wafatnya nabī Muḥammad s.a.w. Secara dasarnya, Islam menolak kedua-dua fahaman tersebut. Hal ini kerana, fahaman pemikiran fatalisme adalah bertentangan sama sekali dengan kesempurnaan manusia sebagai ciptaan yang istimewa yang diberikan oleh Allah s.w.t akal fikiran sehingga pemikiran dalam banyak aspek kehidupan telah membawa manusia untuk terus berkembang

pesat, berteknologi dan hidup bertamadun. Allah s.w.t berfirman:

وَلَقَدْ كَرَّزْنَا بَنِي آدَمْ وَهَمْ لَنَّهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الظَّبَابَ  
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِنْ خَلْقِنَا تَعْظِيْلًا

Maksudnya: Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Ādām, Kami angkat mereka di daratan dan di lautan, Kami juga memberi mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan. (Al-Isrā': 70)

Akal sebagai alat untuk memproses, menganalisis dan membanding mempunyai kedudukan yang tinggi dalam agama Islam. Penjelasan al-Ghazālī dalam *Misykāt al-Anwār*, bahawa 'aql atau akal sebagai neraca kebenaran cukup mampu untuk menangkap objek yang terbatas (*finite*) dan objek yang tak terbatas (*infinite*). Namun, ia boleh dirosakkan dengan tafsiran yang bercampur dengan *nafs* atau hawa nafsu dan tabiat buruk diri. Ini bermakna, hakikat ilmu dan kefahaman tidak akan dapat diraih jika akal telah dicampuri dengan nafsu. Hal ini kerana, menurut al-Ghazālī, nafsu yang terdapat dalam diri manusia membawa manusia kepada sikap yang tercela. Secara amnya apabila berlaku sesuatu perkara dalam kehidupan, individu mempunyai pilihan untuk bertindak. Tindakan yang dihasilkan ini adalah melalui pemikiran yang berfungsi dalam memikirkan buruk dan baik serta akibat yang akan diterima daripada tindakan yang dipilih dan diambil. Setelah berfikir berulah tindakan akan diambil bersesuaian dengan pilihan yang wajar. Berdasarkan keterangan di dalam kitab *Tafsir Jalalayn* (2018), kesempurnaan akal fikiran dan kebebasan dalam membuat pilihan adalah suatu bentuk kemuliaan anak cucu Ādām yang dikurniakan Allah s.w.t. Hal ini secara langsung menunjukkan fungsi akal manusia untuk berfikir akan kekuasaan Allah s.w.t. Allah s.w.t berfirman:

وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ تَعْقَلْنَا فَمَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ السَّعْيِ

Maksudnya: Dan berkata mereka "Jika kami mendengarkan atau memikirkan (peringatan itu) nescaya tidaklah kami termasuk penghuni-penghuni neraka yang menyala-nyala." (Al-Mulk: 10)

Melalui kitab *Tafsir* tulisan M. Quraish Shihab (2017), sekiranya kami mendengarkan atau memikirkan iaitu mendengar dengan tujuan bagi memperoleh kebenaran atau memikirkan seruan yang telah disampaikan kepada kami, maka nescaya tidaklah kami termasuk dalam penghuni neraka. Jelasnya di sini, seruan berfikir yang dirakam dalam

kitab al-Qur'an ke atas manusia yang dianugerahkan akal fikiran, iaitu sebagai ciptaan Allah s.w.t yang sangat istimewa dan sempurna. Berdasarkan akal, manusia seharusnya dapat mempertimbangkan akibat daripada setiap satu perlakuan yang diambil, seterusnya membuat keputusan yang wajar dengan kemahuannya sendiri dan kemudiannya menzahirkan perbuatan-perbuatan tersebut dengan daya yang bersesuaian dengan dirinya mengikut kepada tahap kemampuan diri masing-masing. Al-Ghazālī dalam *Ihyā' Ulumuddīn* menyifatkan akal sebagai *tabi'iyyah* yang tenggarnya ilmu difahami mengikut peringkat tumbesaran manusia. Sampai satu tahap ia dinamakan sebagai manusia yang berakal, apabila akal dapat mengenalpasti akibat dari tindakan yang dilakukan seterusnya dapat mengendalikan diri dan nafsu.

Fatalisme merupakan suatu ideologi atau pemahaman yang ditolak oleh Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, fahaman ini secara jelasnya bertentangan dengan konsep berusaha menurut Islam. Islam sememangnya amat menggalakkan umatnya berusaha dalam setiap perkara. Namun demikian, golongan fatalis sebaliknya hanya berserah dengan takdir yang ditetapkan oleh Tuhan buat mereka tanpa muhu berusaha. Allah s.w.t berfirman

وَالَّذِينَ جَهَدُوا فِينَا لَنَهِيَّنَاهُمْ سُبْلَنَا ۝ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعْ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka gembira serta beroleh keredhaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah s.w.t adalah beserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya. (Al-Ankabūt: 69)

قَالُوا بَشَّرْنَاكُمْ بِالْحَقِّ فَلَا يَكُنْ مِنَ الظَّاغِنِينَ

Maksudnya: Mereka menjawab "Kami menyampaikan khabar gembira kepadamu dengan benar, maka janganlah kamu termasuk orang-orang yang berputus asa". (Al-Hijr: 55)

Penerangan mengenai ayat 69 sūrah al-Ankabut menegaskan bahawa Allah s.w.t memberikan bantuan kepada individu yang berusaha. Sorotan pada ayat "sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami" diletakkan seiring selepas seruan berusaha. Justeru kesungguhan berusaha individu dengan niat yang murni iaitu bagi menegakkan syiar Islam dan hanya kerana Allah s.w.t akan peroleh pertolongan daripada-Nya. Pada petikan "dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh", menurut penelitian tafsir

M. Quraish Shihab (2017), merujuk kepada mereka yang dengan sepenuh usaha mengerahkan upaya dan siap menghadapi segala kesulitan serta bersusah payah untuk mempertahankan agama Islam. Kata al-Ghazālī, manusia langsung tidak mengetahui ketentuan dan takdir mereka, maka perintah seperti doa adalah usaha untuk menilai keyakinan, kesungguhan dan ketaatan seorang manusia kepada Allah s.w.t. Natijahnya, sifat takut dan berharap (*al-khauf wa al-raja'*) serta tawakkal yang tinggi kepada Allah s.w.t akan timbul dalam diri manusia sepanjang masa. Manakala dari sūrah al-Hijr ayat ke 55 Allah s.w.t menyeru umat manusia agar sama sekali tidak berputus asa. Khabar-khabar gembira yang terakam di dalam firman-Nya menerusi al-Qur'ān menjadi pendorong agar manusia terus berusaha dengan bersungguh-sungguh.

Menerusi salah satu firman-Nya dalam kitab suci al-Qur'ān juga turut menyeru hamba-hamba-Nya untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Perlakuan mencegah kemungkaran adalah suatu tindakan yang terhasil dari kata perintah dan seruan daripada Allah s.w.t kepada hambanya iaitu manusia. Oleh hal yang demikian, bagi melaksanakan perintah Allah s.w.t dalam usaha mencegah kemungkaran di atas muka bumi ini, manusia memerlukan fungsi akal dan berusaha. Hal ini secara langsung bertentangan dengan kefahaman fatalisme yang hanya berserah kepada takdir kerana apa yang telah ditetapkan oleh Tuhan akan tetap terjadi tanpa sebarang campur tangan manusia. Maka perbuatan mencegah adalah sama sekali tidak sinonim bagi fahaman fatalisme yang menyerahkan takdir pada tangan Tuhan. Firman Allah s.w.t:

يَسِّي أَقْرِئْ أَصْنَلَوْهُ وَأْمِنْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهَ عَنِ الْفُنْكِرِ وَأَصْبِرْ عَلَى مَا أَصَابَكَ ۖ إِنَّ دِي  
إِلَيْكَ مِنْ عِنْدِ أَلَّا يُورِ

Maksudnya: Hai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan kebaikan dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuklah hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah s.w.t). (Luqman: 17)

Seterusnya dapat diteliti pula pada sūrah al-Ahzāb, yang mana Allah s.w.t merakamkan di dalam sūrah ini berkenaan dengan tujuan baginda nabī s.a.w di lantik dalam kalangan manusia sendiri dan di utuskan kepada umat manusia. Sesungguhnya nabī s.a.w diutuskan tidaklah sia-sia tanpa sebarang tujuan melainkan salah satunya adalah sebagai contoh teladan bagi manusia sekaliannya. Sunnah yang ditinggalkan oleh baginda nabī s.a.w menjadi

pegangan hidup muslim dalam mempraktiskan kehidupan sebagai seorang muslim.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لَمَنْ كَانَ يَرْجُوُ اللَّهَ وَلِيَوْمَ الْحِجَرَ وَدَكَرَ  
اللَّهُ كَثِيرًا

Maksudnya: Sesungguhnya telah ada pada (diri) rasulullah s.a.w itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah s.w.t dan juga (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah s.w.t (Al-Ahzāb: 21)

Baginda Nabī Muhammad s.a.w secara amnya telah menggalas pelbagai tanggungjawab seperti cucu, bapa, ketua negara, suami, menantu, pekerja, penggembala dan lain-lain. Hal ini sekaligus telah banyak membantu manusia terutamanya umat Islam dalam melihat semula setiap tindak-tanduk perbuatan yang di ambil oleh nabī s.a.w sebagai contoh teladan yang wajar dijadikan panduan dalam membimbing diri bagi menghadapi pelbagai masalah hidup. Tindakan rasulullah s.a.w dalam menegakkan dakwah Islam telah melalui pelbagai usaha, tomahan, kejian dan cacian. Jika difikirkan, Islam tidak akan dapat tersebar dan sampai ke harini tanpa usaha baginda s.a.w yang bersungguh-sungguh. Oleh hal yang demikian, sebagai manusia yang mencontohi keperibadian baginda s.a.w, kita pasti turut akan berusaha sehabis baik dalam menegakkan syiar Islam dan berfikiran kritis dan ke hadapan untuk memajukan diri, keluarga dan agama. Justeru, sikap yang diterapkan ini sememangnya tidak sejajar dengan kefahaman golongan fatalis yang jauh sekali berbeza dan bertentangan dengan apa yang disyorkan oleh agama Islam.

Fahaman fatalisme sebenarnya telah melepaskan diri mereka dari kesalahan dan dosa yang dilakukan. Keadaan ini menjadikan golongan fatalis lebih cenderung untuk bersikap lepas tangan sewenang-wenangnya. Tiada kesalahan yang diletakkan di bahu mereka atas punca setiap kejadian yang berlaku. Sebaliknya, dengan mudahnya golongan fatalis menyalahkan takdir atas setiap sesuatu yang berlaku. Hal ini termasuklah pada sesuatu perkara baik mahupun buruk yang menimpa diri mereka. Menurut Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman (2020), takdir juga telah dijadikan sebagai sebuah alasan untuk berbuat dosa dan maksiat walaupun mereka menyedari akan kemampuan diri mereka untuk mengelak dari berbuat perkara dosa.

Manakala menurut Iril Admizal (2021), takdir menurut dimensi Islam berdasarkan pandang al-Qur'ān mempunyai banyak kecenderungan dengan fitrah dan konsep kejadian manusia. Di

mana, manusia adalah sebagai makhluk yang produktif dan aktif iaitu dengan wujudnya beberapa keinginan, keperluan dan tanggungjawab dalam diri. Fitrah yang ada pada diri manusia ini secara tidak langsung telah menghasilkan pelbagai tindakan seperti bersaing, berimpian dan berinovatif sebagai ikhtiar bagi mendapatkan serta memenuhi keperluan matlamat kehidupan yang pelbagai dan keperluan diri mereka selain daripada menyelesaikan sebarang permasalahan hidup. Uniknya manusia sebagai satu-satunya makhluk ciptaan-Nya yang sempurna telah menjadikan manusia satu-satunya makhluk yang berbeza dengan makhluk-makhluk yang lain seperti haiwan, tumbuhan, jin, mala'ikat dan alam. Istimewanya manusia dirakamkan di dalam al-Qur'ān.

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَفْعِيلٍ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah mencipta manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. (Al-Tin: 4)

Manusia makhluk ciptaan Allah s.w.t telah diciptakan olehNya dengan sebaik-baik bentuk fizikal serta dianugerahkan akal fikiran. Berbezanya manusia berbanding makhluk-makhluk yang lain apabila manusia disempurnakan dengan akal fikiran oleh Allah s.w.t. Melalui kewujudan akal fikiran ini, manusia telah berinovatif dan mencipta pelbagai objek sebagai kemudahan dalam urusan sehari-hari. Allah s.w.t telah memberikan bermacam bentuk rezeki di atas bumi ini, namun jika tidak diusahakan oleh manusia, maka rezeki tersebut tidak akan sampai ke dalam genggaman tangan mereka. Misalnya Allah s.w.t telah menciptakan ikan, ayam dan lembu agar manusia dapat memakan dagingnya. Bagi mendapatkan daging tersebut manusia perlu berusaha dengan bermacam-macam jalan untuk memakannya. Sama ada membeli, menternak, menyembelih maupun mencuri. Usaha tersebut dilakukan oleh manusia bagi mendapatkan hasil yang diinginkannya. Tambahan lagi, dari usaha-usaha inilah juga manusia dapat meraih kehidupan yang lebih sempurna dan mudah seperti pembangunan teknologi yang pesat, kemudahan elektrik yang telah dihasilkan dari sumber air atau angin dan banyak lagi sebagaimana yang dapat dinikmati sekarang ini. Justeru, seiring dengan itu Islam telah memberitahu umatnya melalui firman Allah s.w.t di dalam al-Qur'ān bahawa setiap perkara tidak akan dapat diubah tanpa sebarang usaha.

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah s.w.t tidak akan merubah keadaan sesebuah kaum melainkan mereka merubah keadaan diri mereka sendiri. (Al-Ra'd: 11)

Tafsir Jalalayn menjelaskan ayat ini sesungguhnya Allah s.w.t tidak merubah nikmat yang telah diberikan kepada suatu kaum, melainkan apabila mereka sendiri yang merubah apa yang diperintahkan kepada mereka, lalu mereka berbuat maksiat kepadaNya. Kemudian apabila Allah s.w.t ingin menimpakan malapetaka kepada suatu kelompok, maka tidak ada jalan untuk mereka menghindarinya dan tidak ada penolong bagi mereka selain Allah s.w.t yang akan menyelamatkan mereka.

Tuntasnya, keadaan ini sekaligus menunjukkan bahawa manusia itu bebas dan diberi pilihan. Walau bagaimanapun, terma bebas ini masih tertakluk dalam kekuasaan Allah s.w.t. Pilihan dalam mengerjakan sesuatu kebaikan atau kemungkaran terletak di tangan manusia dengan izin dari Allah s.w.t. Sebagaimana disebutkan oleh al-Ghazālī berkaitan dengan fungsi 'aql dan nafs dalam kehidupan manusia beserta dengan unsur ikhtiar, tawakal dan doa yang berperanan dalam urusan takdir hidup. Takdir dari sudut pandang Islam ini jelas bertembung dan berbeza dengan pandangan fatalisme yang menidakkann individu untuk bertindak bebas sebagaimana yang telah dibahaskan di dalam al-Qur'ān serta secara tidak langsung telah menisbahkan Tuhan dengan sifat yang tidak adil, tidak bijaksana dan zalim.

## KESIMPULAN

Al-Qur'ān sebagai tunjang utama dalam rujukan umat Islam telah menggariskan setiap perkara yang sesuai dengan fitrah diri manusia serta menjadi panduan kepada muslim tentang perkara yang dibolehkan dan tidak dibolehkan. Sebagai muslim yang sejati, keseluruhan al-Qur'ān perlu di ambil sebagai panduan hidup. Melalui pengkajian al-Qur'ān, muslim dapat mencari jawapan sama ada suatu fahaman itu diterima atau ditolak oleh Islam. Begitu juga pandangan Islam terhadap fahaman dan ideologi. Fahaman dan ideologi-ideologi yang wujud dapat mempengaruhi akal fikiran yang sihat. Malah, ia dilihat sebagai suatu bentuk ancaman pemikiran yang tersebar sejak sekian lama dan perlahan-lahan menyerap masuk ke dalam jiwa masyarakat sehingga mengganggu gugat akidah diri individu muslim. Fahaman ideologi barat

sememangnya tidak asing lagi untuk dibahaskan dan dikupas. Pemikiran ideologi yang bertentangan dengan ajaran agama Islam perlu dirungkai agar dapat menyelamatkan fikiran dan jiwa individu muslim. Secara dasarnya, segala pemikiran yang bertentangan dengan fitrah diri manusia adalah ditolak oleh Islam.

Fatalisme menjadi suatu fahaman yang tidak diterima oleh agama Islam kerana fahaman ini menolak sikap berusaha dek kerana ketetapan tentang kejadian dan takdir telah dikuasai oleh Tuhan tanpa sebarang campur tangan manusia. Fatalisme berpegang pada istilah bahawa segalanya berasal dari Tuhan dan manusia adalah makhluk yang lemah. Oleh hal yang demikian, golongan fatalisme menidakkan sikap berusaha. Bagi mereka, usaha tidak dapat mempengaruhi takdir dalam hidup seseorang manusia. Usaha menjadi sebuah hal yang sia-sia pada fikiran mereka kerana segala yang terjadi adalah kehendak Tuhan secara mutlak (Harun Nasution. 1996). Golongan ini secara mudahnya berada dalam keadaan yang lemah, pasrah dan berserah dengan kehidupan walau apapun yang terjadi. Keadaan ini sekaligus memperlihatkan matlamat hidup yang samar dan tidak jelas untuk diperjuangkan. Malah sekiranya ada orang yang sakit mungkin tidak akan dirawat dan dibiarkan sahaja mati tanpa sebarang rawatan dan ubat.

Sedangkan sebaliknya perihal takdir dilihat dari kaca mata Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, Islam meraikan fungsi akal manusia untuk berfikir berserta unsur usaha. Menyebarkan kebaikan, sebagai tujuan Allah s.w.t dalam menciptakan manusia sebagai khalifah-Nya, melibatkan penggunaan akal untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Islam juga mendesak umatnya untuk bergiat aktif, inovatif, dan bijak dalam mengatasi ujian kehidupan, dengan berpandukan al-Qur'an dan Sunnah sebagai pedoman utama. Oleh kerana itu, setiap tindakan yang dihasilkan harus diarahkan menuju tujuan hidup yang jelas, iaitu mencari keredhaan Allah s.w.t dan semata-mata kerana-Nya. Justeru, urusan takdir dan fungsi manusia sebagai khalifah-Nya adalah seiring di dalam perbahasan syiar Islam.

## RUJUKAN

- Abd al-Karim Al-Khatib. 1979. *Al-Qadā' wa al-Qadar bayn al-Falsafah wa al-Din al-Jabr wa al-Ikhtiyar al-Asbab wa al-Musabbabat al-Khayr wa al-Sharr*. Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabi.
- Abdul Rashid Abdul Aziz1, Anita Abdul Rani, Umi Hamidaton Sofian Lee, Muhd Khairi Mahyuddin, Imaduddin Abidin & Mohd Suhardi Mat Jusoh. 2021. Konsep dan Perspektif Tauhidik Dalam Meningkatkan Kebahagiaan Kendiri. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (Ijhtc)*. 6(1): 42-50.
- Abu Hamid al-Ghazālī. 1303. *Al-Munqidz min al-Dhal*. Kairo: Mathba'ah al-A'limiyah
- Abu Hamid al-Ghazālī. 1982. *Iḥyā' Ulumuddīn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah
- Abu Hamid al-Ghazālī. 1986. *Al-Risālah al-Ladūniyyah*. Beirut: Dar al-Fikri.
- Abu Hamid al-Ghazālī. 1990. *Tahāfut al-Falāsifat*. Beirut: Dar al-Fikri.
- Abu Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī. 1988. *Ma'ārij al-Quds fī Madārij Ma'rifah al-Nafs*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammed al-Ghazālī. 1962. *Al-iqtisad fi al-i'tiqad*. Masr: Maktabat Muhammad Subayh.
- Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammed al-Ghazālī. 1970. *Iljam al-'awam 'an 'ilm al-kalam*. Masr: Maktabat al-Jundi.
- Ahmad Amin. 1965. *Fajr al-Islam*. Cairo: al-Nahdah
- Ahmad Farouk Musa & Piet Hizbulah Khadir. 2023. The Philosophical Sufism of Harun Nasution: A Phenomenological-Historical Investigation of the Influence of Neo-Mu'tazilism. *Intellectual Discourse*. 31(2): 325-344.
- Ahmad Sunawari Long, Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh. 2004. Falsafah Fatalisme dan Minda Melayu. *International Seminar On Islamic Thoughts Proceedings*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akhmad Ibrahim. 2010. Konsep Takdir Dalam al-Qur'an. Tesis Sarjana. Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.
- Amilah Awang Abd Rahman. 2021. Free Will Versus Belief in Qadr?. *Afkar*. 23(1): 139-166.
- Atika Intania Kiki Ade Putri. 2022. Ikhtiar Dan Takdir (Studi Komparatif Nurcholish Madjid Dan Hamka). Tesis Sarjana, Fakultas Ushuluddin, Adab dan Dakwah Universitas Islam Negeri Fatmawati Sukarno
- B. Davies. 2004. *An Introduction to the Philosophy of Religion*. 3rd edition. Oxford: Oxford University Press.
- David Hume. 1999. *An Enquiry Concerning Human Understanding*. New York: Oxford University Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2016. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faizuri Abd. Latif & Mohd Syukri Zainal Abidin. 2021. Kefahaman Takdir Ulama Melayu dalam Merawat Kecelaruan Jiwa. *Jurnal Usuluddin*. 49(2): 95-133.
- Friedrich Nietzsche. 1968. *Thus Spoke Zarathustra*, tr. Walter Kaufmann in *The Portable Nietzsche*. New York: The Viking Press.

- Husna Husain. 2022. Huraian Tema Ayat-Ayat Berkaitan Doa di Dalam Al-Qur'ān. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 27(1): 145-157.
- I. Ghazzālī & W. Watt. 1963. The Faith and Practice of al-Ghazālī. 2nd edition. Oxford: Oneworld.
- I. Peta. 2022. Ahmād Amīn's Rationalist Approach to the Qur'ān and Sunnah. *Religions*. 13(3:234): 1-15.
- Ibnu Taimiyyah. 2001. Syarh al-Aqidah al-Wasithiyah. Saudi Arabia : Dar Ibn al-Jauzi.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. 1990. al-Da'wa al-Dawa'. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri.
- Ibn Manzur. 1994. Lisān al-'Arab, Jil.3. Cet.3. Beirut: Dār al-Fikr.
- Iril Admizal. Takdir Dalam Islam (Suatu Kajian Tematik). 2021. *Jurnal Ilmu Ushuluddin, Adab dan Dakwah*. 3(1): 87-107.
- Irma Patima. 2021. Takdir Dalam Perspektif Ibnu Qayyim Al-Jauziyah (1292-1350 M) Dan Harun Nasution (1919- 1998 M): Studi Komparasi. Tesis Sarjana, Fakultas Ushuluddin, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Ishak Din & Harun Din. 1995. Permasalahan Akidah Tauhid Pegangan Setiap Mukmin. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Nu'man.
- John Calvin. 1960. Institutes of the Christian Religion. Philadelphia: Westminster
- John Calvin. 1994. Calvin's Calvinism: A Treatise on the Eternal Predestination of God. Grand Rapids: Reformed Free.
- Joshua A. Wilt, Nick Stauner & Julie J. Exline. 2023. Beliefs and Experiences Involving God, the Devil, Spirits, and Fate: Social, Motivational and Cognitive Predictors. *The International Journal for the Psychology of Religion*. 33(1): 19-35.
- Jyot Singh Narang. 2023. Is Fatalism a Pessimistic and Harmful Way of Living?. *Journal of Research in Humanities and Social Science*. 11(9): 213-214
- Khalif Muammar A. Harris. 2018. Islam dan Liberalisme: Antara Maṣlahah dan Mafsadah. *Afkar*. 20(2): 1-52.
- M Quraish Shihab. 1992. *Membumikan al-Qur'ān* . Bandung: Mizan.
- M Quraish Shihab. 1999. *Menyingkap Tabir Ilahi*. Jakarta: Lentera Hati.
- M Quraish Shihab. 1997. *Wawasan al-Qur'ān , Fungsi dan Peran Wahyu dalam Kehidupan Masyarakat*. Bandung: Mizan.
- M Quraish Shihab. 2017. *Tafsir al-Mishbāh*. Tangerang: Lentera Hati.
- Makmor Tumin & Mazlan Che Soh. 2020. Sumbangan Tradisi Barat dan Islam terhadap Idea Masyarakat Sivil. *Afkar*. 22(2): 77-118.
- Mohd Nasir Omar. 2013. Falsafah dan Syariat Islam. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Ahmad Irdha Mokhtar & Zainab Ismail. 2020. Wasatiyyah : Konsep Dan Pengamalan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mosa Alblezi, Mohd Aderi Che Noh, Afiful Ikhwan & Saiful Anwar. 2022. Sufism's Status as the Balance of Islamic Law. *International Journal Law and Society (IJLAS)*. 1(2): 85-96.
- Muhammad Hazim Mohd Azhara & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. 2017. Perbahasan Tentang Takdir: Dawabit dan Sorotan Literatur. *Online Journal of Research in Islamic Studies*. 4(2): 13-29.
- Muhammad al-Ghazālī. 1990. *Aqīdah al-Muslim*. Iskandariah: Dar al-Da'wah.
- Muhammad Hazim & Syed Mohammad Hilmi. 2018. Keseimbangan al-Asha'irah Dalam Pentafsiran Ayat al-Jabr dan Ayat al-Ikhtiyar. *Afkar*. 2(1): 285-310.
- Muhammad Khairul Ikhwan Mohamed Nasir. 2021. Sumbangan Khalifah ʻUmar Bin ʻAbd Al-ʻAziz (99 H/717 M – 101 H/720 M) Dalam Menangani Fahaman Al-Qadariyyah. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E.
- Muhammad Shodiq, Chicha Putri Rahman & Maudlotun Nisa. 2023. Moderasi Teologi Balā' Dalam Tafsir Al-Amthal Nashir Makarim Shiraz: Respon Atas Fatalisme Dan Eskapisme. *Jurnal Studi Islam*. 5(2): 130-148.
- Nik Mohd Sofa'Urrahman Nik Mohd Rosdi, Abdul Karim Ali & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. 2022. Isu Pengkategorian Hadis Sebagai Zan Menurut Perspektif Qiyās Al-Shabah. *Jurnal Fiqh*. 19(2): 189-232.
- Nur Asyiah. 2013. Ideologi Dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Islamika*, 13(2): 125-132.
- Nur Hidayah. 2020. Dari Jabariyah, ke Qadariyah, hingga Islam Progresif: Respons Muslim atas Pandemi Covid-19 di Indonesia. *Jurnal Sosial & Budaya Syar-i*. 7(5): 423-439.
- R. Sadic. 2022. Abdol Karim Soroush's Pluralistic Philosophy of Religion. *Synthesis Philosophica*. 73(1): 223-235.
- René Brouwer & Emmanuele Vimercati. 2020. Fate, Providence, and Free Will: Philosophy and Religion in Dialogue in the Early Imperial Age. Netherlands: Brill
- Sayyed Mohamed Muhsin & Murshid Muhammad. 2021. Epidemik Di antara Qadar dan Hadhar: Sorotan dari Al- Nawawi. *Journal of Islam in Asia*. 18 (2): 144-158.
- Sulaiman, Ali Imran, Bachtari Alam Hidayat, Saepudin Mashuri, Reslawati & Fakhruzzaki. 2022. Moderation Religion In The Era Society 5.0 And Multicultural Society: Studies Based On Legal, Religious, And Social Reviews. *Linguistics and Culture Review*. 6(S5): 180-193.
- Surawan & M Mazrur. 2020. Psikologi Perkembangan Agama: Sebuah Tahapan Perkembangan Agama Manusia. Yogyakarta: K-Media

- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Muhamad Hazim Mohd Azhar, Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Che Zarrina Sa'ari, Azmil Zainal Abidin, Wan Adli Wan Ramli, Mohd Khairul Naim Che Nordin, Mohd Anuar Mamat, Faizuri Abd. Latif & Ali Gobaili Saged. 2020. Wasatiyyah Dalam Konsep Takdir dan Hubungannya dengan Pengurusan Stres. *Online Journal of Research in Islamic Studies*. 7(2): 13-22.
- Thabathaba'iy, Muhammad Husein. 1989. Islam Syi'ah, Asal Usul dan Perkembangannya. Jakarta: Pustaka Utama Grafiti.
- Thio Christian Sulistio & Esther Gunawan. 2021. Perbandingan Konsep Teodise John Calvin dan C. S. Lewis serta Relevansinya terhadap Sikap Fatalistik dalam Menghadapi Covid-19. *Jurnal Teologi dan Pendidikan Kristiani*. 6(1): 153-175.
- Wahiddin, Haidar Putra Daulay, and Zaini Dahlan. 2021. Teologi Jabariyah dan Qodariyah Dalam Tinjauan Sejarah Islam Periode Klasik. *Local History & Heritage*. 1(2):34-41.
- Y. V. Subba Rao. 2020. Fate And Freewill. *International Journal of Research*. 8(3): 147-155.
- Yusuf al-Qaradhawi. 1977. Al-Sabr fi al-Qur'ān. Kaherah: Dar Gharib.
- Zakaria Stapa. 2023. Tawakal kepada Allah. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Zubaidi Wahyono & Alizaman D. Gamon. 2020. Fahaman Ahlussunnah wa al Jama'ah di Asia Tenggara: Pemahaman dan Tanggapan Golongan Cerdik Pandai Muslim Terhadap Ideologi-Ideologi Baharu. *Journal of Islam in Asia*. 17(1): 249-288.
- Ahmad Yunus Mohd Noor (Corresponding author)  
 Associate Professor,  
 Research Center for Theology & Philosophy,  
 Faculty of Islamic Studies, and  
 Senior Associate Research Fellow,  
 Institute of Islam Hadhari,  
 National University of Malaysia,  
 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
 a\_yunus@ukm.edu.my
- Bismillah Za'bah  
 Postgraduate candidate,  
 Research Center for Theology & Philosophy,  
 Faculty of Islamic Studies,  
 National University of Malaysia,  
 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
 p113917@siswa.ukm.edu.my